 - (b) Membalas SMS yang dihantar daripada 66300 oleh Bank ke nombor telefon mudah alih beliau yang disenggara dalam sistem Bank melalui SMS; atau
 - (c) Menghantar SMS ke 66300 dengan menaip:-

PORSCHE<jarak>**12-digit Nombor Kad Pengenalan Baharu (MyKad)**

Contoh: **PORSCHE 880108101234**

(Format SMS tidak sensitif huruf kecil atau huruf besar, oleh itu kedua-dua **P** dan **p** adalah sah)

5. Kumpulan Pemegang Kad Yang Layak berikut akan **didaftarkan secara automatik** untuk menyertai Kempen ini:-
 - (a) Pemegang Kad dengan Kad atau Kad Tambahan yang baru diluluskan semasa Tempoh Kempen; dan
 - (b) Pemegang Kad dengan tambahan had kredit yang baru diluluskan, semasa Tempoh Kempen.
6. Penghantaran SMS oleh Pemegang Kad Yang Layak bukan bukti bahawa pendaftaran telah berjaya. Selepas melengkapkan langkah-langkah yang dinyatakan dalam Klausula 4, satu SMS pengesahan akan dihantar dari 66300 oleh Bank ke nombor telefon mudah alih sama yang digunakan untuk pendaftaran SMS tanpa sebarang kos kepada Pemegang Kad Yang Layak. Sekiranya pendaftaran tidak berjaya, satu SMS pemberitahuan akan dihantar dari 66300 oleh Bank ke nombor telefon mudah alih sama yang digunakan untuk pendaftaran SMS tanpa sebarang kos kepada Pemegang Kad Yang Layak, untuk memberitahu beliau untuk mendaftar semula mengikut format yang dinyatakan dalam Klausula 4. Sekiranya Pemegang Kad Yang Layak tidak menerima SMS pengesahan beliau hendaklah menghubungi Bank seperti dalam Klausula 44 di sini untuk bantuan.
7. Pemegang Kad Yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan nombor telefon mudah alih mereka dan Nombor Kad Pengenalan Baharu mereka yang digunakan untuk mendaftarkan penyertaan mereka dalam Kempen ini adalah sama seperti yang disenggara dalam sistem Bank. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang butiran pendaftaran yang tidak lengkap dan tidak tepat.
8. Penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang membenarkan pendaftaran SMS ialah Celcom, DiGi, Maxis, U Mobile dan XOX. Pemegang Kad Yang Layak akan menanggung caj-caj telekomunikasi standard yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi mereka masing-masing untuk setiap pendaftaran SMS selaras dengan Klausula 4. Pemegang Kad Yang Layak dengan nombor telefon mudah alih oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang tidak membenarkan pendaftaran SMS atau tanpa Nombor Kad Pengenalan Baharu mereka disenggara dalam sistem Bank, hendaklah menghubungi Bank seperti dalam Klausula 44 untuk mendaftarkan penyertaan mereka semasa Tempoh Kempen.
9. Bank tidak bertanggungjawab terhadap dan tidak mempunyai kawalan walau apa jua pun ke atas trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan di pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi masing-masing atau vendor SMS Bank atas sebarang sebab lain apa jua pun yang mengakibatkan kelewatan SMS semasa Tempoh Kempen.
10. Selepas pendaftaran berjaya, Pemegang Kad Yang Layak berhak mengambil bahagian dalam Kempen selaras dengan Terma dan Syarat ini ("**Peserta**").

Penyertaan

11. Bagi tujuan Kempen, jam 00:00 sehingga jam 23:59 berdasarkan waktu Malaysia seperti yang direkodkan dalam sistem Bank adalah dianggap satu (1) ("**Hari Kempen**"). Tempoh Kempen mengandungi lima (5) ("**Bulan Kempen**") yang ditakrifkan seperti berikut:-

Bulan Kempen	Tempoh Masa
1	1 Disember 2017 – 31 Disember 2017
2	1 Januari 2018 – 31 Januari 2018
3	1 Februari 2018 – 28 Februari 2018
4	1 Mac 2018 – 31 Mac 2018
5	1 April 2018 – 30 April 2018

"**Bulan Kempen Yang Mengambil Bahagian**" bagi seseorang Peserta bermula dari bulan yang mana pendaftaran beliau berjaya selaras dengan Klausa 11 sehingga tamat Kempen, seperti contoh di bawah:-

Contoh	Tarikh Pendaftaran Berjaya	Bulan Kempen Yang Mengambil Bahagian
Pemegang Kad 1	7 Disember 2017	Bulan Kempen 1, 2, 3, 4 dan 5
Pemegang Kad 2	30 Januari 2018	Bulan Kempen 2, 3, 4 dan 5
Pemegang Kad 3	22 Februari 2018	Bulan Kempen 3, 4 dan 5
Pemegang Kad 4	1 Mac 2018	Bulan Kempen 4 dan 5
Pemegang Kad 5	20 April 2017	Bulan Kempen 5 sahaja

12. Semua Peserta bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan butiran peribadi mereka (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor KP baharu bagi warga Malaysia/ nombor pasport bagi bukan warga Malaysia, nombor telefon/ mudah alih dan alamat pengedaran) hanya setakat yang perlu kepada penyedia perkhidmatan Bank bagi tujuan Kempen ini. Semua peserta juga bersetuju dan membenarkan Bank untuk memaparkan dan/atau menerbitkan maklumat dan/atau bahan-bahan, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama dan foto-foto bagi tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Bank. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dengan ini bersetuju dengan dan akan mematuhi Terma dan Syarat ini dan telah membaca, memahami dan membenarkan Notis Privasi Kumpulan AmBank.

Penyertaan Masuk

13. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan selepas ini, semua Peserta akan memperolehi Penyertaan Masuk daripada penggunaan Kad dan Kad Tambahan mereka sehingga ke tahap maksima seperti berikut:-

Bilangan Penyertaan Masuk	Penggunaan Kad	Jenis Penyertaan Masuk
Penyertaan Masuk (yang layak untuk semua kategori Hadiah)		
1	Setiap transaksi perbelanjaan runcit RM50 (tidak termasuk dalam talian) dalam satu resit pada hari bekerja (Isnin hingga Khamis)	Penyertaan Masuk Normal
Penyertaan Masuk Bonus (yang layak untuk semua kategori Hadiah)		
3	Setiap transaksi perbelanjaan runcit RM50 (tidak termasuk dalam talian) dalam satu resit pada hari minggu (Jumaat, Sabtu dan Ahad)	Penyertaan Masuk Bonus
5	Setiap transaksi perbelanjaan runcit RM50 dalam satu resit bagi perbelanjaan dalam talian pada mana-mana hari	Penyertaan Masuk Bonus
10	Pohon dan tambahan had kredit diluluskan	Penyertaan Masuk Bonus

14. Transaksi perbelanjaan runcit yang layak ialah semua transaksi perbelanjaan runcit tempatan, luar negara dan/atau dalam talian yang dicajkan kepada mana-mana Kad dan/atau Kad Tambahan Peserta semasa Tempoh Kempen bagi pembelian barangan atau perkhidmatan yang ditanggung kerana penggunaan peribadi dan bukan bagi tujuan perniagaan, tetapi tidak termasuk transaksi yang berikut:-
- (a) Transaksi tunai separa untuk pertaruhan dan/atau permainan judi;
 - (b) Ansuran bulanan Program AmFlexi-Pay / Pelan Pembayaran Mudah yang sedang berjalan;
 - (c) Pembayaran Bil Korporat atau transaksi GIRO Korporat;
 - (d) Transaksi pendahuluan/ deposit/ pengeluaran tunai;
 - (e) Sebarang fi atau caj yang dikenakan oleh Bank;
 - (f) Transaksi pembiayaan perdagangan;
 - (g) Transaksi di bawah aturan korporat khas yang mana rebat adalah terpakai; dan
 - (h) Transaksi perbelanjaan runcit yang kemudiannya dibatalkan, dipertikaikan, dibayar balik, tidak dibenarkan, transaksi syak atau menipu dalam sebarang bentuk.
15. Semua transaksi perbelanjaan runcit yang layak dalam Tempoh Kempen dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan kadar pertukaran asing lazim seperti yang direkodkan dalam sistem Bank bagi tujuan pengiraan bilangan Penyertaan Masuk yang diperolehi bagi transaksi tersebut.
16. Sebarang penentuan oleh Bank mengenai apa yang ditakrifkan sebagai transaksi perbelanjaan runcit adalah muktamad dan tidak boleh dicabar dalam apa cara sekalipun. Semua transaksi seperti yang direkodkan oleh Bank adalah juga tetap dan muktamad.
17. Semua penggunaan Kad Peserta dan Kad Tambahan beliau akan dijejaki bertujuan untuk menyenaraikan bilangan Penyertaan Masuk yang diperolehi bagi semua Bulan Kempen Yang Mengambil Bahagian beliau yang terpakai, seperti contoh di bawah:-

Peserta berjaya mendaftar untuk mengambil bahagian pada 1 Disember 2017			
Akaun Kad	Tarikh	Penggunaan Kad	Bilangan Penyertaan Masuk
Kad Platinum Utama	20 Disember 2017, Rabu	perbelanjaan runcit RM95	1 Penyertaan Masuk
	21 Disember 2017, Khamis	perbelanjaan runcit RM897	17 Penyertaan Masuk
Tambahan di bawah Kad Platinum Utama	21 Disember 2017, Khamis	perbelanjaan runcit RM128	2 Penyertaan Masuk
Kad Platinum Utama	23 Disember 2017, Sabtu	perbelanjaan runcit RM80	3 Penyertaan Masuk Bonus
	20 Disember 2017, Rabu	perbelanjaan runcit dalam talian RM190	15 Penyertaan Masuk Bonus
	21 Disember 2017, Khamis	Tambahan Had Kredit	10 Penyertaan Masuk Bonus
Jumlah Bilangan Penyertaan Masuk			20 + 28 Penyertaan Masuk Bonus

18. Semua transaksi perbelanjaan runcit yang layak dalam Tempoh Kempen hendaklah berdasarkan waktu Malaysia seperti yang tercatat dalam rekod-rekod transaksi Bank dan dikirim ke akaun Kad Peserta dalam masa lima (5) hari kalendar dari tarikh transaksi. Bank tidak bertanggungjawab dalam apa-apa cara jua pun terhadap sebarang kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh VISA, MasterCard, pertubuhan saudagar atau mana-mana pihak lain.

Hadiah

19. Berikut ialah ("**Hadiah**") untuk dimenangi, tertakluk kepada nilai maksimum seperti yang dinyatakan di bawah bagi setiap kategori Hadiah:-

Kategori	Hadiah	Bilangan Pemenang	Bilangan Hadiah Maksima bagi setiap Peserta
Hadiah Utama	Porsche Macan	1	1 semasa Tempoh Kempen
Hadiah Sagu Hati	RM1,000 Wang Balik	150	1 semasa Tempoh Kempen

Pemilihan Pemenang

A. 1x Hadiah Utama: Porsche Macan

20. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini, sistem automatik Bank akan memberikan setiap Penyertaan Masuk yang diperolehi oleh semua Peserta semasa Tempoh Kempen nombor siri uniknya masing-masing, yang kemudiannya digunakan untuk menyusun semua Penyertaan Masuk dalam susunan angka menaik. Susulan kepada penyusunan ini, setiap Penyertaan Masuk diberi nombor jujukan bermula dari 1 untuk nombor siri dengan nilai terendah ("**Nombor Jujukan**"). Susulan pernomboran ini, jumlah bilangan Penyertaan Masuk akan dibahagi dengan 6 untuk mendapat nilai pendarab bagi menyenarai pendek enam (6) Peserta ("**Peserta Hadiah Utama Yang Disenarai Pendek**").

Contoh: 1,200,000 Penyertaan Masuk dibahagi dengan 6 untuk mendapat nilai pendarab 200,000, yang bermakna Peserta dengan Penyertaan Masuk ke200,000 dan darabannya: Penyertaan Masuk ke400,000, ke600,000, ke800,000, ke1,000,000 dan ke1,200,000 ialah **Peserta Hadiah Utama Yang Disenarai Pendek**.

21. Seorang Peserta hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Utama dalam Kempen ini. Sekiranya Peserta yang sama disenarai pendek lebih daripada sekali untuk Hadiah Utama, beliau akan hanya disenarai pendek berdasarkan nilai Penyertaan Masuk terendah beliau. Penyertaan

Masuk beliau yang lain akan diabaikan dan Peserta dengan nilai Penyertaan Masuk yang seterusnya akan disenarai pendek, seperti contoh di bawah:-

Contoh berdasarkan Klausula 20, jika Penyertaan Masuk ke400,000 dan ke1,000,000 ialah daripada Peserta yang sama, maka beliau akan hanya disenarai pendek berdasarkan Penyertaan Masuk ke400,000. Bagi Penyertaan Masuk ke1,000,000 yang tidak terpilih, Peserta dengan Penyertaan Masuk seterusnya, iaitu Penyertaan Masuk ke1,000,001 akan disenarai pendek.

22. Peserta Hadiah Utama Yang Disenarai Pendek dengan nilai Penyertaan Masuk terendah akan dihubungi untuk sesi soal jawab yang dirakam melalui panggilan telefon ke nombor telefon mudah alih mereka yang disenggara dalam sistem Bank, antara pukul 8.45pagi hingga 5.45ptg dari Isnin hingga Khamis dan antara pukul 8.45pagi hingga 4.45ptg pada hari Jumaat (kecuali cuti umum), dalam masa dua belas (12) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen, mengikut budi bicara mutlak Bank dan akan dikehendaki menjawab sehingga tiga (3) soalan dengan betul ("**Soal jawab Telefon**") untuk disahkan sebagai pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Utama**").

23. Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Peserta Hadiah Utama Yang Disenarai Pendek dalam Klausula 22. Jika percubaan pertama gagal atas sebab-sebab seperti tiada jawapan, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada hubungan atau sebarang sebab lain apa jua pun, maka Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan pada hari dan waktu berikutnya yang tersedia. Jika percubaan terakhir juga tidak berjaya, maka Peserta Hadiah Utama Yang Disenarai Pendek tersebut akan tersingkir dan tidak layak untuk memenangi Hadiah Utama. Peserta Hadiah Utama Yang Disenarai Pendek berikutnya dengan nilai Penyertaan Masuk terendah daripada senarai dalam Klausula 20 akan dihubungi sehingga terdapat Pemenang Hadiah Utama yang disahkan.

Contoh berdasarkan Klausula 20: Peserta Hadiah Utama Yang Disenarai Pendek dengan Penyertaan Masuk yang ke200,000 dan ke400,000 akan dihubungi untuk sesi Soal Jawab Telefon terlebih dahulu. Jika Peserta dengan Penyertaan Masuk ke200,000 tersingkir kerana tiga (3) percubaan untuk menghubunginya gagal, maka Peserta dengan Penyertaan Masuk ke600,000 pula akan dihubungi.

24. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang panggilan telefon yang dibuat kepada Peserta Hadiah Utama Yang Disenarai Pendek yang tidak disudahkan, terputus, tidak dijawab atau diteruskan disebabkan Peserta tidak dapat menerima panggilan pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau kerana apa-apa sebab lain apa jua pun.

B. 150x Hadiah Sagu Hati: RM1,000 Wang Balik

25. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini, sistem automatik Bank menyenaraikan semua Penyertaan Masuk, yang diperolehi oleh semua Peserta semasa Tempoh Kempen berdasarkan Nombor Jujukannya masing-masing seperti yang diterangkan dalam Klausula 20. Jumlah bilangan Penyertaan Masuk sepanjang Tempoh Kempen akan dibahagi dengan 300 untuk mendapatkan nombor pendarab untuk digunakan bagi menyenarai pendek tiga ratus (300) Peserta ("**Peserta Hadiah Sagu Hati Yang Disenarai Pendek**").
26. Seorang Peserta hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Sagu Hati dalam Kempen ini. Kaedah pemilihan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 21 juga terpakai untuk menentukan Peserta Hadiah Sagu Hati Yang Disenarai Pendek.
27. Peserta Hadiah Sagu Hati Yang Disenarai Pendek dengan nilai Penyertaan Masuk terendah akan dihubungi untuk sesi soal jawab melalui SMS ke nombor telefon mudah alih mereka yang disenggara dalam sistem Bank, antara pukul 8.45pagi hingga 5.45ptg dari Isnin hingga Khamis dan antara pukul 8.45pagi hingga 4.45ptg pada hari Jumaat (kecuali cuti umum), dalam masa dua belas (12) minggu dari hari terakhir Bulan Kempen, mengikut budi bicara mutlak Bank dan akan dikehendaki menjawab satu soalan dengan betul melalui jawapan SMS dalam masa dua (2) hari kalendar dari tarikh SMS dihantar oleh Bank ("**Soal Jawab SMS**") untuk disahkan sebagai pemenang Hadiah Sagu Hati ("**Pemenang Hadiah Sagu Hati**").

28. Sekiranya Peserta Hadiah Sagu Hati Yang Disenarai Pendek gagal menjawab Soal Jawab SMS dengan betul atau tidak menjawab sebelum tarikh akhir, maka Peserta Hadiah Sagu Hati Yang Disenarai Pendek tersebut akan tersingkir dan tidak layak untuk memenangi Hadiah Sagu Hati. Peserta berikutnya dengan nilai Penyertaan Masuk terendah daripada senarai dalam Klausa 25 akan dihubungi sehingga terdapat seratus lima puluh (150) Pemenang Hadiah Sagu Hati yang disahkan.
29. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, semua Peserta akan menanggung caj-caj telekomunikasi standard yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi masing-masing untuk setiap jawapan SMS. Sekiranya terdapat berbilang jawapan SMS daripada Peserta, hanya jawapan SMS terawal yang diterima oleh Bank berdasarkan tarikh dan masa seperti yang direkodkan oleh sistem Bank akan diterima. Sekiranya nombor telefon mudah alih Peserta Hadiah Sagu Hati Yang Disenarai Pendek bukan di bawah penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang membenarkan jawapan SMS yang berikut: Celcom, DiGi, Maxis, U Mobile dan XOX, Bank akan menghubungi Peserta melalui panggilan telefon. Klausa 8 juga terpakai untuk Soal Jawab SMS bagi Hadiah Sagu Hati.

Pemenang-Pemenang

30. Bank akan memaklumkan semua Pemenang melalui SMS/ telefon/ kiriman pos elektronik/ kiriman pos berdasarkan butiran hubungan mereka yang disenggara dalam sistem Bank. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Bank berhak menggunakan sebarang medium atau kaedah lain, termasuk laman web Bank di www.ambank.com.my yang difikirkan wajar menurut budi bicara mutlaknya bagi tujuan mengumumkan Pemenang.
31. Pemenang Hadiah Utama akan dikehendaki untuk hadir ke majlis penyampaian hadiah dan/atau lain-lain program publisiti dengan kos dan perbelanjaan ditanggung sendiri dan apabila dikehendaki seperti yang dimaklumkan oleh Bank melalui panggilan telefon dan/atau kiriman pos elektronik mengenai tarikh, masa dan tempat majlis penyampaian hadiah dan/atau lain-lain program publisiti. Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang. Jika seseorang Pemenang gagal dihubungi selepas semua percubaan ini, Bank tidak akan membuat percubaan lain atau jika Pemenang berjaya dihubungi tetapi gagal menghadiri majlis dan/atau program yang sedemikian tanpa sebarang alasan yang sah, Bank berhak untuk menarik balik Hadiah untuk Pemenang tersebut dan memilih Peserta Hadiah Yang Disenarai Pendek berikutnya melalui Soal Jawab sebagai Pemenang.
32. Semua Hadiah Sagu Hati akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Utama Pemenang masing-masing dengan Penyertaan Masuk menang terpilih dalam masa dua belas (12) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen dan akan dipaparkan dalam penyata akaun Kad beliau. Hadiah Utama akan tersedia untuk diambil dalam masa dua belas (12) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen pada majlis penyampaian hadiah. Pemenang Hadiah Utama akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap bayaran semua cukai, insurans/takaful dan/atau pelbagai caj lain yang berkaitan dengan Hadiah Utama kerana Bank tidak akan menanggung kos atau bertanggungjawab ke atas cukai jalan, insurans/takaful kereta, kos penghantaran kenderaan tersebut kepada Pemenang Hadiah Utama atau lain-lain kos sampingan apa jua pun.
33. Liabiliti Bank berkaitan Hadiah Utama, kecuali Hadiah-Hadiah Sagu Hati, hanyalah untuk membayar harga belian Hadiah Utama kepada vendor. Hadiah Utama diberikan berdasarkan 'sedia ada', yang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai atau lain-lain barangan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. Bank berhak memilih warna bagi Ganjaran dan Hadiah, yang mana terpakai. Visual Hadiah Utama yang digunakan dalam sebarang iklan, promosi, publisiti dan lain-lain bahan berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen adalah hanya bagi tujuan ilustrasi semata-mata dan tidak menggambarkan warna sebenar Hadiah Utama dan tidak termasuk sebarang aksesori pilihan.

34. Sekiranya vendor tidak dapat membekalkan model Hadiah Utama yang sama seperti yang diterangkan di sini kepada Bank atas sebab-sebab yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada panggilan balik oleh pengeluar atau kerosakan, hilang atau dicuri semasa dalam simpanan dan/atau semasa penyampaian, Bank berhak untuk menggantikan Hadiah Utama dengan model lain yang serupa atau sama nilainya mengikut budi bicara mutlak dengan memberi notis terdahulu sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar di laman web Bank di www.ambank.com.my. Walau bagaimanapun, Bank tidak bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah Utama, kecuali Hadiah-Hadiah Sagu Hati, yang rosak atau dicuri selepas hadiah disampaikan kepada Pemenang.
35. Penglibatan Hadiah Utama dalam Kempen ini tidak boleh dianggap sebagai sebarang pengendorsan atau pengesyoran terhadap Hadiah Utama oleh Bank. Untuk sebarang pertikaian berkaitan kualiti atau waranti Hadiah Utama atau mana-mana Terma dan Syarat yang berkaitan dengannya, Pemenang hendaklah berurusan dengan pengedar atau pembekal yang sah, secara langsung tanpa sebarang bantuan daripada Bank. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang pelanggaran kualiti atau waranti Hadiah Utama atau mana-mana Terma dan Syarat yang berkaitan dengannya dan tidak akan melayan sebarang aduan apa jua pun berkaitan dengan Hadiah Utama.
36. Dengan menerima Hadiah Utama, Pemenang bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank ke atas sebarang tindakan, tuntutan, kerosakan, perbelanjaan, pengadilan, liabiliti atau prosiding yang ditanggung berhubung penyertaan mereka dalam Kempen atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah Utama.

Penyingkiran

37. Bank berhak secara mutlak untuk **menyingkirkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad Yang Layak** bagi tujuan Kempen tanpa perlu memaklumkan beliau, sekiranya:-
- (a) akaun Kad Pemegang Kad Yang Layak telah ingkar dengan kemudahan yang diberikan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; atau
 - (b) akaun Kad Pemegang Kad Yang Layak telah ditutup dalam masa dua belas (12) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen; atau
 - (c) Pemegang Kad Yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu dalam apa-apa cara semasa Tempoh Kempen; atau
 - (d) Pemegang Kad Yang Layak melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini.

Liabiliti

38. Bank tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta di atas sebarang kerosakan apa jua bentuk sekalipun atau kerugian yang dialami oleh beliau (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan nama baik, pendapatan atau keuntungan atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, secara contoh, sampingan, punitif atau ganti rugi khas) walau bagaimana sekalipun timbul berhubung dengan penyertaan beliau dalam Kempen atau Bank menjalankan haknya untuk melaksanakan mana-mana daripada Terma dan Syarat di sini.

Bahasa

39. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau konflik dalam tafsiran Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap sebagai setara, dan setiap Terma dan Syarat yang ditetapkan membawa maksud yang sama.

Umum

40. Keputusan Bank dalam semua perkara berhubung dengan Kempen adalah mengikat dan muktamad dan sebarang surat-menyurat atau rayuan selanjutnya tidak akan dilayan. Semua Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini adalah ditadbir oleh dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar dalam mahkamah di Kuala Lumpur.
41. Semua Peserta telah membaca dan memahami semua Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini dan Bank berhak secara mutlak untuk menggantung, menamatkan atau membatalkan Kempen pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang alasan dengan memberi notis terdahulu sekurang-kurangnya 5 hari kalendar kepada Pemegang Kad sebelum terma dan syarat baharu berkuatkuasa di laman web Bank di www.ambank.com.my.
42. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh Bank tidak memberi hak kepada Peserta kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atas sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta, kerana akibat langsung atau tidak langsung, daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
43. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta di atas sebarang kerugian atau kos (termasuk kehilangan peluang perniagaan atau keuntungan) yang disebabkan oleh keadaan-keadaan tidak normal dan luar jangka yang berlaku di luar kawalan munasabah Bank, yang tidak boleh dielakkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kemalangan, tindakan keganasan, kegagalan jentera, kekecohan awam, kebakaran, pertikaian industri, kekacauan buruh, penyekatan, bencana alam, rusuhan, mogok, peperangan (sama ada yang diisytiharkan atau tidak) atau kegagalan sistem pemprosesan data, sistem elektrik, telekomunikasi atau kaitan transmisi.
44. Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen, Pemegang Kad Yang Layak boleh menghubungi pusat hubungan 24-jam Bank dengan menghubungi **+603-2178 8888** atau menghantar e-mel ke customercare@ambankgroup.com.